

**P.U. (A) 294.**

**AKTA PERPUSTAKAAN NEGARA 1972**

**PERATURAN-PERATURAN PERPUSTAKAAN NEGARA (PINDAAN) 1993**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 14 Akta *Akta 80.* Perpustakaan Negara 1972, Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

1. Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Nama. Peraturan Perpustakaan Negara (Pindaan) 1993.**
2. Peraturan-Peraturan Perpustakaan Negara 1977, yang disebut “Peraturan-Peraturan ibu” dalam Peraturan-Peraturan ini, adalah Pindaan am.  
P.U. (A)  
365/77. dipinda—
  - (a) dengan menggantikan perkataan “bahan perpustakaan” di mana-mana juga terdapat dengan perkataan “sumber-sumber perpustakaan”;
  - (b) dengan menggantikan perkataan “pembaca berdaftar” di mana-mana juga terdapat dengan perkataan “pembaca”; dan
  - (c) dengan menggantikan perkataan “tiket” dan “tiket-tiket” di mana-mana juga terdapat dengan perkataan “kad”.
3. Peraturan 2 Peraturan-Peraturan ibu adalah dipinda—
  - (a) dengan memotong takrif “bahan perpustakaan”;
  - (b) dengan memasukkan, selepas takrif “bangunan perpustakaan”, takrif yang berikut:  
“kad pembaca” ertiannya suatu bentuk pengenalan yang dikeluarkan di bawah peraturan 7 kepada seseorang pembaca semasa pendaftaran untuk

membolehkannya merujuk kepada atau meminjam apa-apa sumber perpustakaan atau menggunakan apa-apa perkhidmatan perpustakaan;’;

- (c) dengan memasukkan, selepas takrif “Ketua Pengarah” takrif yang berikut:

‘“koleksi khas” ertinya suatu koleksi sumber-sumber terkawal termasuklah Nadir, Sulit, Terhad atau sumber-sumber Haram atau koleksi-koleksi lain yang dikumpulkan dari semasa ke semasa dan ditetapkan oleh Ketua Pengarah sebagai koleksi khas;

“koleksi pinjaman” ertinya sumber-sumber perpustakaan yang boleh dipinjam oleh pembaca;

“koleksi rujukan” termasuklah sumber-sumber seperti Monograf Malaysiana, Terbitan Berkala Malaysiana, Rujukan Umum, Rujukan Terbitan Berkala atau koleksi-koleksi lain yang dikumpulkan dari semasa ke semasa dan ditetapkan oleh Ketua Pengarah sebagai koleksi rujukan;’;

- (d) dengan menggantikan takrif “pembaca” dengan yang berikut:

‘“pembaca” ertinya seseorang yang daftarkan di bawah peraturan 5;’;

- (e) dengan memotong takrif “pembaca berdaftar”; dan

- (f) dengan menggantikan koma bernoktah di hujung takrif “Perpustakaan” dengan noktah; dan

- (g) dengan memotong takrif “tiket pembaca;”.

Pindaan  
peraturan 3.

4. Peraturan 3 Peraturan-Peraturan ibu adalah dipinda—

- (a) dalam teks bahasa kebangsaan, dengan menggantikan perkataan “Bahan-bahan” dalam subperaturan (1) dengan perkataan “Sumber-sumber”;

- (b) dengan menggantikan subperaturan (2) dengan subperaturan yang berikut:

“(2) Perkhidmatan rujukan dan pinjaman boleh diadakan untuk—

- (a) mana-mana pembaca memegang kad pembaca yang belum tamat tempohnya; dan

- (b) mana-mana orang atau golongan orang lain sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah dari semasa ke semasa.”.

5. Peraturan 5 Peraturan-Peraturan ibu adalah dipinda—

Pindaan peraturan 5.

- (a) dengan menggantikan subperaturan (1) dengan subperaturan yang berikut:

(1) Ketua Pengarah hendaklah menyebabkan tiap-tiap orang didaftarkan sebagai seorang pembaca yang membuat permohonan bagi maksud itu, dalam borang yang sesuai:

Dengan syarat bahawa:

- (a) seseorang pemohon yang berumur dua belas tahun atau lebih hendaklah mengemukakan kad pengenalan atau pasport apabila dia mengemukakan permohonannya;
- (b) seseorang pemohon yang menghadiri mana-mana sekolah atau institusi pendidikan hendaklah mempunyai permohonan yang ditandatangani oleh ibubapa atau penjaganya dan pengetua sekolah yang sedemikian itu atau institusi pendidikan atau wakilnya yang diberi kuasa;
- (c) seseorang pemohon kanak-kanak pra-sekolah hendaklah disertai oleh ibubapa atau penjaganya yang akan menandatangani borang permohonan bagi pihaknya;
- (b) dengan memotong subperaturan (2) dan (3); dan
- (c) dengan menggantikan perkataan “tiga” dalam subperaturan (4) dengan perkataan “dua”.

6. Peraturan-Peraturan ibu adalah dipinda dengan menggantikan peraturan 6 dengan peraturan yang berikut:

Penggantian peraturan 6.

<sup>“Kad pembaca.”</sup> 6. (1) Ketua Pengarah hendaklah mengeluarkan suatu kad pembaca kepada setiap orang yang didaftarkan di bawah peraturan 5.

(2) Kad pembaca tidak boleh dipindahmilik.

(3) Kad pembaca adalah sah selama tempoh dua tahun dari tarikh kad itu dikeluarkan, melainkan jika kad itu diserahkan balik atau dibatalkan terlebih dahulu.

(4) Pada akhir tempoh dua tahun seseorang pembaca boleh memperbaharui kad pembacanya.

(5) Seseorang pembaca hendaklah mengemukakan kad pembacanya apabila dia memasuki Perpustakaan.

(6) Seseorang pembaca hendaklah memberitahu Ketua Pengarah dengan segera tentang apa-apa kehilangan, kecacatan atau kerosakan kad pembacanya.

(7) Ketua Pengarah boleh apabila diberitahu sedemikian, mengenakan apa-apa bayaran yang ditetapkan dari semasa ke semasa ke atas pembaca itu bagi pengeluaran kad pembaca yang hilang, cacat atau rosak itu.”.

Penggantian peraturan 7.

7. Peraturan-Peraturan ibu adalah dipinda dengan menggantikan peraturan 7 dengan peraturan yang berikut:

“Apabila terhenti menjadi pembaca.”

7. Apabila seseorang pembaca terhenti menjadi pembaca dia hendaklah mengembalikan semua sumber perpustakaan dan kad pembacanya hendaklah membayar semua denda atau caj lain yang belum dijelaskan yang ditanggung oleh sebab sumber-sumber perpustakaan yang ada dalam miliknya telah tidak dikembalikan, telah hilang, cacat atau rosak.”.

Pindaan peraturan 9.

8. Peraturan 9 Peraturan-Peraturan ibu adalah dipinda dengan memasukkan, selepas subperaturan (6), subperaturan berikut:

“(7) Bilangan sumber perpustakaan yang boleh dipinjam hendaklah sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah dari semasa ke semasa.”.

Pindaan peraturan 10.

9. Peraturan 10 Peraturan-Peraturan ibu adalah dipinda dengan menggantikan subperaturan (2) dengan subperaturan yang berikut:

“(2) Pembaharuan yang disebut dalam subperaturan (1) hendaklah dibuat sendiri oleh pembaca sebelum tarikh tamat tempoh pinjaman di Perpustakaan atau melalui telefon kepada kakitangan perpustakaan.”

Pindaan peraturan 11.

10. Peraturan 11 Peraturan-Peraturan ibu adalah dipinda dengan menggantikan subperaturan (2) dengan subperaturan yang berikut:

“(2) Kelaziman seseorang pembaca menyimpan sumber-sumber perpustakaan lebih lama daripada tarikh pemulangan boleh membawa kepada penggantungan keistimewaan rujukan atau pinjaman atau kedua-duanya selama tempoh yang ditentukan oleh Ketua Pengarah atau boleh membawa kepada pembatalan kad pembacanya menurut budi bicara Ketua Pengarah.”.

11. Peraturan-Peraturan ibu adalah dipinda dengan menggantikan peraturan 13 dengan peraturan yang berikut: Penggantian peraturan 13.

“Perkhidmatan rujukan 13. (1) Koleksi rujukan boleh digunakan oleh seseorang pembaca sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah dari semasa ke semasa.

(2) Pertanyaan-pertanyaan rujukan boleh dibuat oleh seseorang pembaca sama ada dengan datang sendiri atau melalui surat, telefon, teleks atau faksimili.

(3) Tiada seseorang pembaca pun boleh meletakkan apa-apa sumber perpustakaan dari koleksi rujukan ke koleksi pinjaman atau dari koleksi pinjaman ke koleksi rujukan.

(4) Koleksi rujukan tidak boleh dipinjam dan tidak boleh dipindahkan dari mana-mana bahagian di dalam Perpustakaan itu kecuali sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah dari semasa ke semasa.”

12. Peraturan 14 Peraturan-Peraturan ibu adalah dipinda dengan memotong subperaturan (3). Pindaan peraturan 14.

Dibuat pada 2hb Ogos 1993.  
[PNM 58.1.1 (25); PN. (PU<sup>2</sup>) 117.]

DATUK AMAR DR. SULAIMAN BIN HAJI DAUD,  
*Menteri Pendidikan*

# PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA